



Kepada
Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Selangor Darul Ehsan.

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2012

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN BERHEMAMAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memperkemaskan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2011: Garis Panduan Perbelanjaan Berhemamah.

2.0 LATAR BELAKANG

Garis Panduan Perbelanjaan Berhemamah yang ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 telah dikemaskini dengan memperjelaskan perkara-perkara berikut:

- 2.1 Had perbelanjaan Pegawai Pengawal;
- 2.2 Pembelian harta modal dan inventori;
- 2.3 Ulasan Perbendaharaan Negeri Selangor bagi kertas-kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES);
- 2.4 Tempoh penghantaran permohonan; dan
- 2.5 Penganjuran bengkel/ seminar/ mesyuarat/ kursus/acara majlis/ upacara keraian dan kadar kelayakan bagi mengadakan program di hotel

3.0 PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN BERHEMAH

3.1 Had perbelanjaan Pegawai Pengawal

3.1.1 Pegawai pengawal adalah dibenarkan untuk membuat semua jenis perbelanjaan secara pesanan tempatan atau pemberian secara langsung (*direct grant*) yang **tidak melebihi RM50,000.00** bagi semua jenis item sama ada menggunakan peruntukan mengurus atau pembangunan tertakluk kepada perincian-perincian selanjutnya di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2011.

3.1.2 Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang **melebihi jumlah RM50,000.00** sama ada melalui perolehan melalui sebut harga/tender dan tidak mempunyai kontrak hendaklah mendapat kelulusan dari Pegawai Kewangan Negeri.

3.2 Pembelian harta modal dan inventori

Pembelian harta modal dan inventori yang melebihi RM1,000 **seunit** perlu mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.

3.3 Ulasan Perbendaharaan Negeri Selangor bagi kertas-kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)

Permohonan ulasan bagi kertas-kertas MMKN/ MTES yang melibatkan implikasi kewangan adalah **hanya bagi permohonan yang tidak diperuntukkan sahaja**. Bagi permohonan lawatan ke luar negara, permohonan perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dan laporan lawatan perlulah dibentangkan oleh EXCO berkaitan selewat-lewatnya dua (2) minggu setelah lawatan dilaksanakan dalam MTES/MMKN.

3.4 Tempoh penghantaran permohonan

Permohonan bagi perkara-perkara yang memerlukan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah dikemukakan **pada/ tujuh (7) hari bekerja sebelum** daripada tarikh majlis, bekalan, perkhidmatan diterima dan akan diproses berdasarkan tarikh surat diterima. Sebarang permohonan yang dibuat selepas tempoh **tujuh (7) hari bekerja** daripada majlis, bekalan, perkhidmatan diterima ianya akan ditolak serta-merta kecuali bagi kes-kes yang ditakrifkan sebagai darurat.

3.5 Penganjuran bengkel/ seminar/ kursus/acara/ majlis/ upacara keraian

3.5.1 Kursus/bengkel yang dipertimbangkan untuk dilaksanakan **di luar Selangor** adalah seperti berikut:

- a) Bengkel Sasaran Kerja Tahunan Jabatan (SKT);
- b) *Team Building*;
- c) Kursus MS:ISO; dan
- d) Pelan Strategik Jabatan

Permohonan **tersebut** perlulah dikemukakan untuk kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan hanya akan dipertimbangkan sekiranya disertakan dengan senarai semak seperti di **Lampiran A**.

3.5.2 Kadar kelayakan pegawai adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005, Para 4.1: Kursus pendek di dalam Negeri- di luar Kawasan Ibu Pejabat seperti di **Lampiran B**. Ringkasan bagi kelayakan mengikut gred adalah seperti dinyatakan di **Lampiran C** dan permohonan hanya dipertimbangkan tidak melebihi 10% dari pada jumlah kos yang dikemukakan tidak termasuk sewaan.

3.5.4 Kekerapan suatu kursus yang diadakan adalah bergantung kepada jumlah kakitangan sesebuah jabatan dan bagi kursus-kursus selain daripada yang dinyatakan di para 3.5.1 akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan justifikasi jabatan yang memohon.

3.2.4 Kadar bagi sewaan peralatan/ dewan/ bilik sindiket sekiranya tidak termasuk dalam pakej adalah seperti berikut:-

Dewan	-	Kurang 300 orang peserta : maksimum RM500.00 seunit
	-	Lebih 300 orang peserta : maksimum RM1,000.00 seunit
Bilik Sindiket	-	maksimum RM250.00 seunit;
Projektor	-	maksimum RM350.00 seunit; dan
Mikrofon	-	maksimum RM200.00 seunit

3.2.5 Bagi acara/majlis atau program yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap (STANDCO) atau jabatan/ agensi di mana **peserta adalah terdiri daripada orang awam**, urus setia perlulah mematuhi kadar seperti berikut:

Perkara	Hotel	Premis Kerajaan
Kadar makan dan penginapan	Tidak melebihi RM150.00	Makan pagi:RM4 Makan t/hari:RM8 Makan petang:RM4 Makan malam:RM8

3.2.6 Bagi program yang dilaksanakan bagi tempoh sehari atau kurang **selain daripada premis kerajaan**, pakej tersebut perlulah tidak melebihi **RM100.00 seorang**.

3.2.7 Bagi kadar bayaran penceramah dan fasilitator adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005: Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan. Selain daripada kategori yang dinyatakan dalam pekeliling tersebut, kadar bayaran adalah tertakluk kepada kadar seperti berikut:

Perkara	Kadar Bayaran Saguhati
Penceramah	Maksimum RM1,000.00 sehari
Fasilitator	Maksimum RM100.00 seorang/sehari

4.0 KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2011 serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh 23 JUN 2012

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- iii. Semua Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAK YANG PERLU DIKEMUKAKAN

BIL	PERKARA	SENARAI SEMAK (√)
1	Nama Program (Tarikh/ Masa/ Tempat)	
2	Senarai Peserta (Nama/ Jawatan/Gred)	
3	Perincian kos (kos penginapan dan dan sewaan)	
4	Sebutharga hotel	
5	Sijil Hotel	

*Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak

LAMPIRAN B**KADAR ELAUN MAKAN, BAYARAN SEWA HOTEL DAN ELAUN LOJING
SEMASA BERKURSUS DI DALAM NEGERI**

Gred	Elaun Makan (RM)	Sewa Hotel (RM)	Elaun Lojing (RM)
SEMENANJUNG MALAYSIA			
Utama/ Khas 'A' dan ke atas atau Yang Setaraf	90.00	Bilik Biasa	80.00
Utama/ Khas 'B' dan 'C' atau Yang Setaraf	90.00	Bilik Biasa	75.00
53 dan 54 atau yang Setaraf	70.00	Bilik Biasa	70.00
45 hingga 52 atau yang setaraf	60.00	145.00	60.00
41 hingga 44 atau Yang Setaraf	45.00	130.00	55.00
17 hingga 40 atau Yang Setaraf	40.00	80.00	35.00
1 hingga 16 atau Yang Setaraf	35.00	65.00	30.00
SABAH, LABUAN DAN SARAWAK			
Utama/ Khas 'A' dan ke atau atau Yang Setaraf	120.00	Bilik Biasa	85.00
Utama/ Khas 'B' dan 'C' atau Yang Setaraf	120.00	Bilik Biasa	80.00
53 dan 54 atau yang Setaraf	90.00	Bilik Biasa	75.00
45 hingga 52 atau yang setaraf	80.00	160.00	70.00
41 hingga 44 atau Yang Setaraf	65.00	140.00	60.00
17 hingga 40 atau Yang Setaraf	55.00	100.00	40.00
1 hingga 16 atau Yang Setaraf	50.00	80.00	35.00

***Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005, Para 4.1**

LAMPIRAN C

KADAR KELAYAKAN BERKURSUS DI HOTEL

Gred	Elaun Makan (RM) (a)	Sewa Hotel (RM) (b)	Jumlah (RM) (a+b)
SEMENANJUNG MALAYSIA			
Utama/ Khas 'A' dan ke atas atau Yang Setaraf	90.00	Bilik Biasa	Sebenar
Utama/ Khas 'B' dan 'C' atau Yang Setaraf	90.00	Bilik Biasa	Sebenar
53 dan 54 atau yang Setaraf	70.00	Bilik Biasa	Sebenar
45 hingga 52 atau yang setaraf	60.00	145.00	205.00
41 hingga 44 atau Yang Setaraf	45.00	130.00	175.00
17 hingga 40 atau Yang Setaraf	40.00	80.00	120.00
1 hingga 16 atau Yang Setaraf	35.00	65.00	100.00